

**Teks Ucapan Y.B. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air  
Sempena Mesyuarat pertama Panel Perunding Tenaga Negeri  
Sabah Pada 29 Oktober 2015 di Kota Kinabalu Sabah.**

Y.Bhg. Dato' Abdul Razak Abdul Majid  
Pengerusi Suruhanjaya Tenaga

Y.Bhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga dan Teknologi Hijau )

Y.Bhg. Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan  
Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga

Ahli-ahli Suruhanjaya

Setiausaha Tetap dari Kementerian-Kementerian Negeri Sabah

Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-Ketua agensi

Ahli-ahli Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah

Dato'/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Suruhanjaya Tenaga selaku penganjur Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah (PPTNS), kerana sudi menjemput saya dan seterusnya merasmikan mesyuarat pertama Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah (PPTNS) ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang sudi hadir dan tahniah di atas perlantikan YBhg. Datuk/Dato' Tuan /Puan sebagai ahli panel.

Saya dimaklumkan sebagai permulaan sebanyak 23 organisasi telah pun dijemput untuk menjadi ahli yang terdiri daripada wakil-wakil pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan, pertubuhan professional, persatuan pengguna, penjana bebas dan penjana sumber tenaga boleh baharu dan juga pihak industri yang berkepentingan.

Ucapan penghargaan dan tahniah juga saya ucapkan kepada Suruhanjaya Tenaga di atas inisiatif bagi mewujudkan PPTNS ini yang boleh menjadi satu *platform* kepada pembuat polisi mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan tentang sesuatu polisi, strategi dan hal-hal berkaitan tenaga khususnya bagi negeri Sabah.

Selain itu, ianya dapat memberikan ruang kepada ahli-ahli panel untuk bertukar-tukar pandangan dan berbincang tentang cadangan dasar-dasar baru yang boleh diketengahkan. Penyertaan YBhg. Datuk/Dato' Tuan /Puan di dalam forum perbincangan ini akan dapat menyumbang idea-idea baru bagi meningkatkan daya maju industri pembekalan tenaga terutamanya untuk pembangunan di negeri Sabah ini.

Seperti sedia maklum sektor tenaga memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kerana penyediaan bekalan tenaga yang mencukupi berkualiti dan berdaya harap sangat diperlukan bagi pembangunann dan negara, pembangunan sosial dan ekonomi, dan menggerakkan aktiviti harian di semua sector ekonomi.

Usaha meningkatkan daya harap sistem pembekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah merupakan salah satu agenda utama yang sangat diberi penekanan oleh kerajaan. Di antara

inisiatif dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti;

- i. Meningkatkan kapasiti penjanaan yang mana pada tahun 2014, loji-loji berikut telah mula beroperasi:
  - Loji SPR CCGT 100MW pada Ogos 2014
  - Loji Kimanis CCGT 285MW pada Mei, Julai dan November 2014
  - Loji Cash Horse Biomass 16MW pada November 2014
- ii. Menilai perancangan keperluan sistem pembekalan elektrik di Sabah melalui Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang ahlinya dianggotai oleh semua pihak berkepentingan Sabah yang terdiri daripada pihak kerajaan, syarikat utiliti dan industri.
- iii. Memantau projek-projek infrastruktur yang sedang dibangunkan melalui jawatankuasa kerja peringkat Kementerian yang turut dianggotai Suruhanjaya Tenaga dan SESB.
- iv. Memberi dana dalam bentuk geran dan pinjaman mudah bagi projek-projek infrastruktur bekalan elektrik. Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (SAPADU) juga turut ditubuhkan khusus bagi membangunkan projek-projek bekalan elektrik bernilai RM 2.295 billion yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.
- v. Mengkaji dan menilai tahap kestabilan dan keselamatan sistem pembekalan elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan. Ianya merangkumi penilaian jangka hayat dan kajian pelanjutan operasi stesen janakuasa Patau-Patau, perancangan penambahan kapasiti penjanaan serta penambahbaikan sistem penghantaran dan pembahagian di Wilayah Persekutuan Labuan.

YBhg. Datuk/Dato' Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan adanya platform Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah ini isu-isu pembekalan tenaga elektrik di negeri Sabah akan mendapat penekanan yang lebih efektif dan serius. Seiring dengan itu Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 515 juta seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan bajet 2016, bagi meningkatkan mutu bekalan elektrik di negeri Sabah serta dapat mengurangkan situasi gangguan bekalan dan insiden putus bekalan yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada pelbagai sektor di Sabah.

Saya berharap dengan pewujudan Panel Perundingan Tenaga ini akan memberi nilai tambah dalam usaha Kerajaan ke arah meningkatkan perkembangan industri tenaga Negara khususnya bagi negeri Sabah dan Kerajaan akan cuba mengambil langkah pemulihan strategik yang menyeluruh bagi mengatasi isu pembekalan elektrik negeri ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Pertama Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah ini dan mengucapkan Selamat Bersidang

Sekian, terima kasih